

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN BIN SYED IKHSAN
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

SEMPENA

“MAJLIS SEDETIK BERSAMA, SEABAD MESRA”

**YBHG. DATO' Ir. Dr. MEOR ABDUL AZIZ BIN HAJI OSMAN
KETUA PENGARAH KERJA RAYA MALAYSIA**

30 SEPTEMBER 2019 (ISNIN)

DEWAN TAN SRI ABU ZAHAR

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

Yang Berhormat Tuan Baru Bian
Menteri Kerja Raya

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Anuar bin Mohd Tahir
Timbalan Menteri Kerja Raya

Yang Diraikan - YBhg. Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz Bin Haji Osman
Ketua Pengarah Kerja Raya

YBhg. Dato' Ir. Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid
Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan

YBhg. Dato' Sr. Aziz bin Abdullah
Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya

Pengarah-Pengarah Kanan, Pengarah-Pengarah Cawangan / Bahagian,
Pengarah-Pengarah Negeri, Jurutera-Jurutera Daerah, Pegawai-Pegawai
Kader, Pegawai-Pegawai Kanan dan tuan-tuan dan puan-puan yang
dihormati sekalian.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

1. Pertamanya, saya memanjatkan sepenuh kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat-Nya, dapat kita bersama-sama berhimpun dalam majlis yang cukup besar maknanya. Terima kasih kepada pihak JKR Malaysia kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan sempena Majlis “Jasa Dikenang Budi Disanjung” pada hari ini.

2. Sesungguhnya, majlis yang diadakan ini adalah sebagai satu tanda penghargaan dan pengiktirafan serta nukilan terima kasih dari Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya kepada Dato’ Ir. Dr. Meor Abdul Aziz, Ketua Pengarah Kerja Raya kerana banyak menabur bakti kepada negara khususnya dalam bidang teknikal.

3. Setelah 36 tahun Dato’ Meor berkecimpung dalam sektor teknikal dan pembinaan tanah air, pastinya dalam tempoh masa tersebut pelbagai peristiwa pahit-manis, suka-duka dan cabaran getir yang telah ditempuhi beliau dalam melaksanakan projek-projek infrastruktur dan prasarana

awam di negara ini. Bermula sebagai jurutera tapak bagi projek-projek pelajaran di Kuantan pada tahun 1982, beliau seterusnya dilantik sebagai Jurutera Daerah Jerantut pada tahun 1986. Seiring dengan peredaran masa, Dato' Meor terus mengorak langkah dalam kerjayanya sehinggalah dilantik sebagai Pengarah Kanan Cawangan Jalan pada tahun 2016.

4. Melihat kepada kredibiliti, pengalaman dan kepakaran yang dimiliki oleh beliau, Dato' Meor telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Infra) pada tahun 2017 dan seterusnya dilantik sebagai Ketua Pengarah JKR Malaysia pada bulan April 2019.

5. Pegangan beliau dalam memastikan segala projek yang diamanahkan kepada JKR perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan berkualiti serta memenuhi ekpektasi pelanggan dan rakyat. Sesungguhnya segala komitmen, usaha dan sumbangan yang beliau tunjukkan wajar dijadikan panduan dan contoh kepada warga JKR dan jurutera-jurutera muda khususnya.

6. Saya berbangga kerana Dato' Meor telah berjaya menggalas amanah dan tanggungjawab ini dengan baik dan sesempurna mungkin. Saya amat berharap juga agar beliau akan terus menyumbang ilmu pengetahuan, kepakaran dan pengalaman yang ada walaupun bersara. Saya difahamkan beliau juga bergiat aktif dalam pertubuhan seperti Council Members of Road Engineering Association of Malaysia (REAM), Japan Institute of Civil Engineering (JICE), International Maritime Organization (IMO) dan banyak lagi pertubuhan lain yang tidak dapat saya ungkapkan satu persatu.

Hadirin-hadirat sekalian,

7. Menjadi tanggungjawab kita semua dalam memastikan projek-projek pembangunan dan penyenggaraan infrastruktur dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan berkualiti. Tugas yang digalas ini adalah berat tetapi saya percaya andai kita saling berganding bahu dan bekerja sebagai satu pasukan, maka saya yakin kita akan berjaya. Tidak ada yang mustahil untuk kita capai seandainya rajin berusaha, integriti, berdisiplin dan saling bekerjasama. Bak kata pepatah, 'Bulat air kerana pembedong, bulat manusia kerana muafakatnya'.

8. Umum mengetahui Jabatan Kerja Raya merupakan jabatan teknikal utama negara dan pastinya segala tindak tanduk dan mutu kerja JKR di perhati dan dinilai oleh masyarakat. Justeru, besar harapan saya agar seluruh warga kerja JKR memberikan sepenuh komitmen akan tugas yang diamanahkan. Saya tahu industri teknikal dan pembinaan ini banyak cabarannya, maka kita perlu membulatkan tekad dan berusaha menterjemahkan misi dan visi JKR agar tercapai serta menjadi “The Preferred Technical Agency’ di Malaysia. Warga JKR juga perlu bergerak sebagai satu pasukan dan saling berkongsi ilmu, kepakaran dan pengalaman yang ada dalam memartabatkan nama JKR di tanah air mahupun arena antarabangsa. Semangat dan nilai-nilai positif perlu dipahatkan di hati sanubari warga JKR supaya aspirasi yang dituju adalah sealiran dan tidak terkeluar daripada landasan yang sepatutnya.

9. Kementerian Kerja Raya dilihat salah satu kementerian yang sangat besar cabarannya dan terpaksa berhadapan dengan pelbagai isu terutamanya Jabatan Kerja Raya. Projek sakit, projek lewat, jalan berlubang dan macam-macam lagi sehingga projek agensi lain yang bermasalah tempiasnya juga terkena kepada JKR. Saya sedar, kita tidak mampu memuaskan hati semua pihak kerana ia bukanlah tugas mudah.

Namun, saya percaya kita sentiasa berusaha untuk menyelesaikan dan menangani segala masalah ini dengan sebaik mungkin dan bijaksana.

10. Saya amat menghargai segala sumbangan dan khidmat bakti Dato' Meor dalam mengurus dan mengemudi JKR. Saya difahamkan beliau memiliki kepakaran dalam bidang maritim amnya dan pelabuhan khususnya. Bidang ini di negara kita mahu pun di luar negara merupakan *specialized engineering* yang mempunyai kumpulan pengamal dan profesional yang sangat kecil bilangannya berbanding dengan bidang kejuruteraan lain. Beliau saya kira seorang yang cekal hati dan memiliki aura positif dalam berhadapan dengan cabaran dan rintangan. Sifat seperti inilah yang perlu disemai dan disematkan dalam diri masing-masing.

11. Akhir bicara, mewakili pihak kementerian dan JKR Malaysia, sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz atas segala jasa dan pengorbanannya selama berkhidmat di Jabatan Kerja Raya. Saya yakin Dato' Meor akan terus aktif menyumbangkan idea dan kepakaran teknikal yang dimilikinya dalam industri pembinaan.

12. Selamat bersara dan Selamat Maju Jaya kepada Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz.

*Riuh di awan sekawan Helang
Riang senada kongsi keriang
Jasamu Dato' Meor tidak terbilang
Inpirasi kami kekal berzaman*

*Berangkat sampan ke Pulau Pandan
Mencari kepah untuk hidangan
Perpisahan ini bukan sempadan
Ikatan terjalin usah diputuskan*

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.